

21/09/1999

Patriotisme Siti Nurhaliza dan mafia pembangkang

Siti Rugaiyah

SITI Nurhaliza meminta supaya dirinya tidak dikaitkan dengan politik. Kita akur dan amat bersetuju bahawa semua pihak patut menghormati permintaan Siti itu.

Sebagai seorang rakyat Malaysia yang cintakan negara ini, saya amat berbangga dengan patriotisme yang dipamerkan oleh artis paling popular tanah air pada malam menyambut kemerdekaan di Bukit Jalil baru-baru ini. Ternyata Siti berani dan dengan begitu yakin sekali mengajak rakyat Malaysia bersatu padu, mengingatkan tentang ancaman luar dan menunjukkan sokongan serta menyeru rakyat berdiri teguh di belakang PM. Syabas kepada Siti. Walau pun dalam usia muda dan sangat berjaya dalam dunia seni yang penuh glamour, Siti ternyata peka dan menyedari apa yang sedang berlaku di sekelilingnya.

Sekali gus ini menyanggah pendapat sesetengah pihak bahawa golongan muda negara ini mahukan perubahan drastik dalam arus perdana politik negara. Maknanya, bukan semua golongan muda tidak menyokong Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Bukan semua orang muda menyokong Parti Keadilan dan gerakan reformasi serta mahukan kerajaan alternatif dalam pilihan raya akan datang. Selama ini parti pembangkang begitu ghairah menggambarkan seolah-olah semua golongan muda negara ini menyokong mereka dan mahukan mereka memimpin negara. Sokongan dan patriotisme Siti ternyata satu cabaran langsung kepada parti pembangkang yang berasa tergugat dengan apa yang penyanyi itu katakan pada malam berkenaan.

Siti dituduh menjadi `mesin faksimili/pencetak' kepada Dr Mahathir, lalu Ruslan Kassim pun melancarkan perang saraf supaya Siti diboikot. Saya berasa sungguh malu dan tragik seorang pemimpin penting Keadilan yang percaya sebahagian besar rakyat Malaysia mahukan mereka, sanggup berkata demikian dan berasa begitu terancam dengan kenyataan Siti, seorang artis berumur 21 tahun.

Mungkin Ruslan perlu faham, kepercayaan dan kecenderungan politik seseorang adalah hak peribadi. Apakah Siti tidak patriotik kerana menyokong Dr Mahathir? Apakah Siti lebih patriotik dan mesti disokong sekiranya beliau menyokong Keadilan? Apakah ukuran patriotisme Ruslan kerana seseorang menolak politik arus perdana dan memihak kepada pembangkang maka baru seseorang itu boleh diterima dan disanjung serta boleh menjadi idola serta tidak perlu diboikot? Ternyata konsepsi Ruslan tentang patriotisme kurang matang dan sangat sempit. Sayang seribu kali sayang, kalau pemimpin beginilah yang dipilih dalam pilihan raya nanti, saya tidak nampak langsung keterbukaan dan liberalisme pemikiran dalam diri Ruslan, seorang yang kononnya memperjuangkan prinsip keadilan serta pembaharuan - the renaissance man.

Sebagai orang politik yang berpengalaman, terbuka dan percaya mereka adalah alternatif demokratik terbaik bagi rakyat negara ini, Ruslan perlu menerima dan mengiktiraf fahaman dan kepercayaan politik orang lain. Memilih kepercayaan dan kecenderungan politik seseorang, sama seperti memilih siapa yang ingin kita sayang dan kasih bila seseorang perlu memilih. Ruslan dan pemimpin parti pembangkang perlu ingat, kalau mereka boleh mengutuk Perdana Menteri dan pemimpin Umno lain dengan sewenang-wenangnya, mereka kena terima jika artis remaja top negara ini memuji dan menyokong pemimpin Umno.

Malaysia adalah sebuah negara bebas dan demokrati, jadi biarlah seseorang membuat pilihan fahaman politik mereka tanpa paksaan dan

gertakan psikologi, emosi, intelektual mahupun fizikal yang ternyata tidak lebih dari manifestasi budaya samseng atau mafia. Kalau kita mahu pegangan dan fahaman politik kita dihormati orang lain, kita juga perlu memberi ruang untuk orang lain membuat pilihan! Kerana jika kita saja yang menjerit lantang mahukan hak kita dihormati, tetapi kita sendiri tidak boleh menghormati hak orang lain ini namanya double standard. Dan menyuruh album Siti diboikot adalah budaya samseng serta mafia dan tidak lebih dari itu. Apakah ini imej yang mahu dikekalkan oleh Parti Keadilan? Apakah budaya merusuh, mengugut dan menggertak serta membelasah anggota polis yang menjalankan tugas menjaga keselamatan negara adalah budaya the renaissance man Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Parti Keadilan pimpinan isteri beliau? Saya yakin jika isteri beliau yang benar-benar memimpin Parti Keadilan, imej parti ini tentu berbeza.

Kebelakangan ini juga, sering kali terdengar ceramah politik Umno diganggu dengan budaya samseng penyokong parti pembangkang terutama Pas. Tidak cukup dengan memaki hamun dan mencerca pemimpin Umno, penyokong pembangkang ini semakin menunjukkan budaya kurang sopan atau dalam bahasa kasarnya kurang ajar. Memandangkan perkara ini dilakukan secara sedar dan terancang, ternyata budaya samseng yang dipertontonkan ini bukanlah cetusan perasaan spontan yang tidak disengajakan. Sekaligus ini mempamerkan `bacaan' emosi, psikologi, spiritual dan mental penyokong parti pembangkang berkenaan yang ternyata tidak langsung mempamerkan apa yang dikatakan oleh parti itu. Pas dan Keadilan yang kononnya berjuang atas tiket Islam ternyata dengan jelas menunjukkan budaya mafia yang bukan saja tidak sesuai tetapi dilarang oleh Islam. Apakah ini yang mahu diterapkan oleh parti ini kepada penyokong mereka dan sekaligus inilah keadilan dan reformasi yang mahu dibawa kepada rakyat negara ini.

Sesungguhnya, kedua parti ini ternyata sedang mengalami krisis jati diri yang maha hebat. Sayang, penyokong mereka tertipu dan terpekik sama dalam kekeliruan pemimpin mereka yang terlalu ghairah memperjuangkan slogan kosong tanpa meluangkan sedikit waktu untuk menghayati dan memahami apa yang benar-benar mereka perjuangkan. Rakyat Malaysia yang lain perlu berfikir sejenak tentang perkara yang paling dekat dengan mereka iaitu keharmonian, ketenteraman dan kestabilan tidak akan lahir dari pemimpin parti yang menggalakkan budaya peras ugut, gangguan, gertakan dan anarki.

Kita tidak mampu membuat pilihan yang salah, kerana harga yang akan dibayar mungkin terlalu mahal.